

Anwar syor sekolah menegak di Residensi Aman MADANI

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan pembinaan sekolah menegak dibangunkan dalam kawasan Residensi Aman MADANI bagi memampung keperluan pendidikan penduduk setempat.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu susulan perbincangan bersama pemaju, kementerian dan agensi berkaitan, selepas perasmian majlis pecah tanah residensi berkenaan di Bandar Sri Permaisuri di sini pada 6 Ogos lalu.

“Walaupun terdapat sekolah rendah berdekatan, kapasiti yang terhad menuntut pembangunan sekolah baharu selari

pertambahan penduduk.

“Justeru, saya mencadangkan supaya dibina sekolah menegak dalam kawasan pembangunan atau sebuah sekolah berhadapan residensi yang dihubungkan melalui jejantas,” katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Anwar berkata, sekolah itu terbuka kepada semua penduduk setempat dan dilengkapi kemudahan selaras kerangka MADANI, termasuk tadika, surau, klinik dan pusat keselamatan.

“Pastinya semua prasarana lengkap ini diwujudkan demi keselesaan rakyat,” katanya.

Pada 18 Februari lalu, media

melaporkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang membangunkan sekolah dengan konsep menegak yang menempatkan dua blok bangunan dengan kapasiti antara 10 hingga 17 tingkat di sekitar pusat bandar, bagi memenuhi keperluan tanah yang terhad serta pertambahan penduduk di ibu negara.

Kementerian Pendidikan pada 30 Julai, dilaporkan memuktamadkan Panduan Perancangan Pembangunan Sekolah Secara Menegak dengan mengambil kira prinsip reka bentuk asas, termasuk pengawasan dan keselamatan murid.

BERNAMA